

# Jangan biarkan diri jadi hamba gajet



**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED**

**K**EMAJUAN pesat teknologi maklumat dan komunikasi membolehkan pelbagai gajet seperti telefon pintar dan tablet dapat dicipta secara berterusan untuk kegunaan dan kemudahan manusia. Evolusi peralihan gajet dilihat cukup drastik dan nampaknya sudah mula mempengaruhi gaya hidup seharian kita sehingga wujud situasi di mana seolah-olah kita tidak boleh hidup tanpa gajet.

Memasuki era teknologi maklumat yang serba canggih ini amat sukar untuk kita elak, lari mahupun tidak mempedulikan kemajuan dunia teknologi moden. Ini kerana kita akan jauh ketinggalan andai memusuhi kemajuan teknologi. Ringkasnya, kita tiada pilihan kecuali prihatin segala perkembangan teknologi baru yang dicipta hampir setiap hari di seluruh pelosok dunia. Ironinya walaupun kebanyakan teknologi seperti gajet dan tablet ini dicipta untuk kemajuan umat manusia dari pelbagai aspek namun jangan dilupakan betapa masih ramai yang turut mengambil kesempatan, menyalah guna dan memanipulasi kecanggihan gajet yang ada untuk tujuan yang salah dan dengan niat yang tidak betul.

Bagi Malaysia, kita adalah sebuah masyarakat Timur yang kaya dengan pelbagai nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Antara nilai-nilai murni yang boleh kita banggakan adalah hormat pada orang yang lebih tua, mengutamakan hubungan kekeluargaan dan kasih sayang, berbicara dengan penuh berhemah serta sopan dan santun, boleh bertolak ansur dan kaya dengan pelbagai budi bahasa lain. Nilai dan peradaban ini diajar, dididik dan diasuh sejak kecil lagi. Ia menjadi budaya dan satu amalan yang sangat signifikan apabila dikaitkan pula dengan tuntutan dan ajaran agama masing-masing.

Namun sedihnya pada hari ini kita dapat lihat dengan jelas betapa nilai-nilai murni dan peradaban sebagai masyarakat timur itu seolah-olah semakin terhakis dari masyarakat kita terutamanya golongan muda.



**FENOMENA** permainan siber Pokemon Go yang kini menjadi kegilaan segelintir rakyat negara ini boleh menjurus seseorang itu menjadi hamba gajet. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

Ringkasnya, kemajuan teknologi dilihat semakin menghakik nilai-nilai murni dalam masyarakat kita, malah lebih teruk lagi keadaan menjadi seolah-olah masyarakat kita terutamanya golongan muda kelihatan semakin menjadi hamba kepada teknologi ciptaan Barat.

Kemudahan internet terutamanya media sosial terus menjadi duri dalam daging dalam masyarakat kita. Walaupun media sosial banyak kebajikannya namun penyalahgunaan kemudahan ini terus mendatangkan pelbagai kemudaratan kepada masyarakat. Golongan muda yang dilihat begitu taksu dengan internet dan media sosial dilihat mudah hanyut sehingga mengorbankan dan melacurkan jati diri masing-masing.

Pelbagai kenyataan, gambar, video mahupun komen-komen yang dimuat naik dalam media sosial pada hari ini dengan jelas menggambarkan betapa teruknya kesan negatif teknologi moden seperti ini. Persoalannya kenapa perkara sebegini mudah berlaku? Ini tidak lain kerana pada hari ini kita mampu mengakses dan melayari internet pada bila-bila masa dengan menggunakan pelbagai gajet yang serba canggih.

Dengan kemudahan telefon pintar dan tablet misalnya, pelbagai komen negatif melalui aplikasi seperti Facebook ataupun

Instagram dilontarkan dengan mudah sehingga memberi gambaran seolah-olah masyarakat kita terutamanya golongan belia semakin jauh dari nilai-nilai murni yang menjadi pegangan dan amalan kita selama ini.

Akibatnya pelbagai kontroversi tercipta di alam maya hingga mencetuskan pergaduhan mahupun fitnah di alam nyata yang akhirnya boleh mengancam keselamatan, perpaduan dan keamanan rakyat dan negara secara keseluruhannya.

Justeru isu ketagihan kepada gajet umpama gian kepada dadah ini perlu ditangani dengan bijak dan segera sebelum menjadi semakin kritikal ataupun sukar untuk dikawal. Hal ini kerana kajian terbaharu pihak UUM dan Iyres terhadap pengaruh televisyen dan media sosial terhadap golongan belia di negara ini menunjukkan lebih 60 peratus daripada golongan belia berusia 18 hingga 25 tahun mendapati menghabiskan masa lebih lima jam sehari untuk melayari internet terutamanya bahan berunsur hiburan. Ini menunjukkan betapa golongan belia kita ketagih dan terus menjadi hamba kepada teknologi dan gajet. Maka persoalannya, apakah data ini belum cukup untuk merisaukan kita semua?

Pada masa sama, dari satu sudut lain pula, dengan adanya pelbagai gajet baru ini hubungan sesama manusia juga dilihat se-

makin renggang dan terjejas. Paling kritikal hubungan kekeluargaan juga didapati semakin merisaukan kerana aplikasi rangkaian sosial seperti Facebook, WhatsApp, WeChat, Instagram dan YouTube dilihat sedang melahirkan golongan antisosial di mana mereka lebih suka menjadi hamba teknologi daripada berkomunikasi mahupun menjalinkan hubungan dengan rakan dan juga ahli keluarga.

Contoh yang paling kerap kita lihat sekarang adalah suasana di meja makan di mana-mana kedai makan malah termasuk di rumah juga. Kalau dulu kita boleh lihat betapa mesranya rakan mahupun ahli keluarga berborak mesra sehingga kadang-kadang kedengaran bunyi ketawa terbahak-bahak namun pada hari ini kita akan lihat suasana sunyi sepi kerana masing-masing menghadap telefon pintar dan tablet untuk melayari pelbagai aplikasi rangkaian sosial. Adakah fenomena ini sihat untuk membina keluarga yang bahagia?

Secara umumnya teknologi tidak wajar dipersalahkan sepenuhnya. Sebaliknya kita sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran wajar menilai mahupun menapis supaya sesuatu teknologi itu agar tidak memudaratkan kehidupan kita. Hal ini penting kerana keadaan menjadi hamba kepada gajet ini dikhuatiri juga boleh menyumbang kepada penjajahan moden iaitu penjajahan minda dan pemikiran melalui teknologi dunia tanpa sepadan.

Dalam konteks ini, apakah kita mahu membiarkan orang lain menguasai dan menjajah minda dan pemikiran kita? Hakikatnya kita cukup risau dengan situasi ini kerana golongan muda dilihat semakin hanyut dan sudah semestinya ini tidak sihat untuk pembangunan dan kemajuan masyarakat dan juga negara secara keseluruhannya.

Justeru sama-samalah kita ambil iktibar dan membetulkan situasi ini. Ibu bapa terutamanya perlu memastikan anak-anak tidak hanyut dengan gajet dan pelbagai teknologi lain yang boleh merosakkan diri, minda dan kehidupan. Jangan sesekali membiarkan anak kita menjadi hamba kepada gajet sehingga menghakik segala nilai-nilai murni yang dibanggakan selama ini.